

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN ANYI NGAU [BARAM]

TARIKH : 26 OKTOBER 2021 (SELASA)

SOALAN

TUAN ANYI NGAU minta **KEMENTERIAN KESIHATAN** menyatakan apakah klinik-klinik di kawasan pedalaman akan terus dibuka sebagai PICK agar individu-individu yang anti vaksin diberi peluang untuk divaksinasi.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman, Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) akan diteruskan di klinik swasta yang terpilih. Bagi individu yang masih belum mendapatkan vaksin COVID-19, individu tersebut boleh mendaftar melalui aplikasi MySejahtera dan temujanji akan diberikan mengikut lokasi klinik swasta berdekatan. Maklumat terkini mengenai klinik swasta yang terpilih boleh didapati di Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) atau Pejabat Kesihatan Daerah masing-masing.

2. Bagi negeri Sarawak khususnya, Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) akan diteruskan di fasiliti kesihatan termasuk klinik-klinik di pedalaman. Bagi individu yang masih belum mendapatkan vaksin COVID-19, boleh menghubungi fasiliti kesihatan terdekat bagi mendapatkan tarikh temujanji. Pemberian imunisasi bagi mereka yang berada di pedalaman akan diatur mengikut keperluan setempat sama ada di klinik-klinik kesihatan terdekat atau pun melalui program jangka luar (*outreach*). Sekian, terima kasih.